

Cara dapatkan kerja idaman anda! Bahagian 1 / 4



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Ramai orang beranggapan bahawa sebagai seorang graduan yang tamat pengajian di kolej atau universiti, mereka pasti akan dapat satu pekerjaan yang mereka idamkan. Namun, dalam realiti mereka dapati bahawa hari telah bersilih ganti, bulan dan tahun bersilih ganti, dan mereka masih lagi dalam status graduan yang menganggur

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada isu tersebut, termasuklah faktor ekonomi, sistem dan kualiti pendidikan serta globalisasi. Jika anda beranggapan dengan sijil tamat pengajian akan menjamin anda satu pekerjaan, yang boleh membina satu kehidupan dan berkembang maju, maka anda adalah silap.

Pemikiran sebegini sudah ketinggalan zaman atau lapuk untuk digunapakai dalam era baru ini. Dunia telah berubah dan akan terus berubah.

Kini, pasaran pekerjaan menjadi satu daya saing yang sengit. Majikan menjadi lebih dan berganda berhati-hati dalam mengupah pekerja. Majikan kini hanya berminat mengupah pekerja yang boleh memberikan sumbangan secara konsisten serta efisien dalam perkembangan dan produktiviti organisasi.

Pada masa kini, untuk mendapatkan satu pekerjaan memerlukan bukan hanya kelayakan akademik dan resume yang baik. Kelayakan akademik dan resume yang

baik hanya akan dapat memberikan peluang untuk menghadiri temuduga kerja, tetapi bukan jaminan untuk mendapatkan kerja tersebut.

Untuk mendapatkan kerja memerlukan pelbagai kemahiran yang berlainan yang dipanggil '*People skills*'. Kemahiran-kemahiran ini termasuklah kemahiran interpersonal, intrapersonal, keberkesanan komunikasi, kreativiti, pemikiran analitis, diplomasi, fleksibiliti, hadapi perubahan, kepimpinan, penglibatan dalam kerja berpasukan, dan kemampuan untuk membina hubungan dengan personaliti yang berbeza. Orang-orang yang mempunyai ciri-ciri sebeginilah yang mempunyai harga di pasaran dan yang dicari-cari oleh setiap organisasi.

Stanford Research Institute, Harvard University dan Harvard University, dan Carnegie Foundation, setelah membelanjakan satu juta USD dan 5 tahun penyelidikan, telah membuktikan bahawa 85% sebab seseorang boleh mendapatkan kerja, mengekalkan kerjanya serta berkembang maju adalah dari *soft skills, people skills dan people knowledge* seseorang itu.

Sekiranya anda adalah salah seorang daripada mereka yang masih menganggur dan ingin mendapatkan satu pekerjaan yang baik, idea, pendekatan dalam rencana ini akan dapat membantu anda.

Andai kata anda telah memilih hala tuju kareer anda, anda harus mengikuti serta mengamalkan pendekatan, langkah dan proses bagi mencapai kerja yang anda idamkan. Ini bermula dengan kenali diri sendiri, kenali pasaran pekerjaan, kenali organisasi yang anda ingin sertai (dapatkan maklumat), menyediakan resume dan bersedia untuk temuduga.

Kesemua langkah ini dan cara aplikasi yang betul akan dibincangkan dalam rencana akan datang.

Ramai orang kehilangan kerja dan ramai yang masih bertungkus lumus untuk mencari pekerjaan pertama mereka. Pada masa yang sama, terdapat pelbagai jawatan kosong dalam suratkhbar dan banyak organisasi masih sedang mencari pekerja. Mengapa anda tidak dapat pekerjaan yang ditawarkan ? Ini adalah kerana anda ketinggalan sesuatu dan anda tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan pekerjaan yang ditawarkan itu.

Untuk mendapatkan pekerjaan, anda perlu mengikuti beberapa langkah. Ini bermula dengan kenali diri sendiri, kenali pasaran pekerjaan, kenali organisasi yang anda ingin sertai (dapatkan maklumat), menyediakan resume dan bersiapsedia untuk temuduga

Saya akan menerangkan dengan lebih lanjut lagi tentang langkah pertama : kenali diri sendiri,

Ramai orang tidak fokus kepada mencari satu kareer tetapi mereka lebih suka mencari satu pekerjaan. Mereka akan berakhir dengan satu pekerjaan yang mereka tidak sukai.

Untuk mengelakkan situasi sebegitu berlaku, orang yang mencari kerja seharusnya mengetahui kekuatan dan kelemahan diri, terutamanya '*soft skills*' yang ada pada diri.

Secara umumnya, majikan mencari seseorang pekerja yang komited, taat, berkeyakinan diri, inovatif, mempunyai semangat kerja berpasukan, berani, mempunyai kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah. Orang-orang yang sama ada kehilangan kerja atau tidak dapat mencari kerja adalah kerana kekurangan kemahiran yang telah disebutkan.

Pakar psikologi, Daniel Coleman berkata, "*Soft skills* adalah kombinasi kecekapan yang membolehkan seseorang berkemampuan untuk mengurus diri sendiri dan mengaitkan dengan orang lain. *Soft skills* diperlukan dua kali ganda berbanding dengan IQ dalam kejayaan membina karier."

'*People skills*' adalah istilah yang merujuk kepada kemahiran yang mempengaruhi cara kita berurusan dan berinteraksi dengan orang lain dan situasi. Kemahiran-kemahiran ini termasuklah kemahiran interpersonal, intrapersonal, keberkesanan komunikasi, kreativiti, pemikiran analitis, diplomasi, fleksibiliti, hadapi perubahan, kepimpinan, penglibatan dalam kerja berpasukan, dan kemampuan untuk membina hubungan dengan personaliti yang berbeza.

Dalam era yang penuh dengan maklumat, teknologi tinggi, pasaran yang berpusatkan pelanggan, persaingan ekonomi dan globalisasi adalah berbeza dengan zaman sebelum ini. Pada dahulu kala, peluang pekerjaan dan kedudukan ditentukan oleh kemahiran teknikal, pengetahuan tentang produk dan pengalaman. Pengurus dan majikan dahulu kala lebih memfokuskan kepada kemahiran teknikal untuk meningkatkan produktiviti organisasi.

Pada masa kini, '*people skills*' adalah lebih penting dan diperlukan dalam mendapatkan peluang pekerjaan, mengekalkan kedudukan kerja dan juga untuk perkembangan sendiri.

Ini adalah kerana, kini kita hidup dalam abad 21, yang penuh dengan penciptaan, perubahan yang tidak terputus-putus dan implimentasi. Alaf yang baru ini adalah berkaitan dengan mesin, komputer dan elektronik. Banyak pekerjaan yang dahulu dikendalikan oleh manusia telah diganti dengan mesin. Sebab yang kedua adalah tanggapan yang silap oleh kebanyakan majikan bahawa latihan '*people skills*' tidak berkesan dan memberikan impak.

Oleh itu, langkah yang paling penting untuk anda adalah dengan mempelajari kemahiran-kemahiran yang telah disebutkan satu per satu terutamanya kemahiran komunikasi. Orang yang berkemampuan berkomunikasi secara berkesan mempunyai harga yang tinggi dalam pasaran. Komunikasi berkesan adalah kunci untuk membina hubungan dengan orang lain. Ia juga penting dalam mendapatkan penghormatan orang lain melalui cara anda berinteraksi dan berurusan, sama ada dalam sosial atau tempat kerja.

Itulah sebabnya setiap jawatan atau pekerjaan akan mengadakan temuduga. Tujuannya bukanlah untuk melihat kecantikan atau kekacakan anda. Tujuannya adalah menguji kemahiran komunikasi anda !

Menurut Professor Herta A. Murphy dan Professor Charles E. Peck dari University of Washington, kebanyakan organisasi meletakkan kemahiran komunikasi sebagai kelayakan dan syarat utama dalam jawatan kosong mereka.

Bersambung...